Latar Belakang

Waktu persaraan merupakan detik terluang dalam hidup setelah berpenat lelah bergelumang zaman kerjaya pada usia muda. Dalam kancah persaraan dibelenggu kesepian, selain melayan kerenah cucu cicit malah bagi mereka yang tinggal berjauhan dengan keluarga perlu mengubah paradigma hidup masing-masing.

Justeru, waktu persaraan wajar diisi dengan kegiatan yang berfaedah selain dari tanggungjawab beribadat sebagai bekalan akhirat. Lazimnya mereka yang bersara, tidak akan duduk diam kerana pemikiran di zaman muda yang sarat pengetahuan dan pengalaman telah sebati menerusi kerjaya mereka. Oleh yang demikian, peluang-peluang yang ada dengan pengalaman dan kewangan yang dimiliki sudah tentu ianya tidak disia-siakan selagi kesihatan mengizinkan untuk terus Berjaya dalam kehidupan walaupun bergelar pesara.

Objektif

Beberapa objektif seminar ini adalah:

Menyediakan anggota perkhidmatan awam yang akan meninggalkan perkhidmatan kepada pengetahuan dan persekitaran yang baru.
Menyediakan pengetahuan mengenai peluang dan cabaran baru.
Menyediakan kebolehan meluaskan jaringan (networking).
Menyediakan kebolehan menangani tekanan dan cabaran.
Menyediakan ketahanan mental dan psikologi; dan
Persediaan kearah peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan diri.

Siapa patut hadir?

Kursus ini terbuka kepada semua Kakitangan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan dan kepada individu yang berminat untuk menambah ilmu pengetahuan dalam aspek persediaan minda dan fizikal sebelum melangkah ke alam persaraan kelak.

Yuran Kursus

Diskaun 10% yuran untuk pendaftaran 3 orang atau lebih

Yuran kursus seperti berikut:

1.Bilik Single - RM 1,350.00
2.Bilik berkembar - RM 1,200.00 (Seorang)
3.Tanpa penginapan - RM 900.00

Yuran Termasuk

- Penginapan
- Kit Kursus
- Sijil
- Jamuan makan
- &
- Pakej Lawatan ke Langkawi Geopark
  - Gua Kelawar
  - Sangkar Ikan Pari
  - Gua Buaya
  - Eagle Feeding
  - Kilim Geopark

Pembatalan

Sekiranya pembatalan di buat **selepas 19 April 2011** bayaran yuran seminar tidak akan dikembalikan.

Maklumat Pembayaran

Bayaran hendaklah dibuat atas nama:

BENDAHARI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Melalui Cek/Wang Pos/LPO sebelum **19 April 2011.**

Alamatkan kepada:
Urusetia Kursus Pra-Persaraan 2011
Jabatan Pendaftar
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman